



PEJABAT KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA  
*Office of the Director General of Education Malaysia*  
PARAS 7 BLOK J PUSAT BANDAR DAMANSARA  
*Level 7 Block J Damansara Town Centre*  
50604 KUALA LUMPUR

Tel: 03-2586900  
Fax: 03-2535150

KP (BS) 8591/Jld. XIV (2)

9 Mac 1998

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

***SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 3/1998:***  
**Penggunaan Barang Permainan Elektronik Robot Kit Di Sekolah Menengah**

Surat Pekeliling Ikhtisas ini dikeluarkan dengan tujuan memaklumkan keputusan Kementerian Pendidikan supaya semua sekolah menengah menggunakan barang permainan elektronik pasang sendiri dalam bentuk robot kit sebagai alat bantuan mengajar bagi pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup dan Reka Cipta. Penggunaan barang permainan robot kit ini adalah untuk membantu membina celik teknologi dan kefahaman murid-murid, khususnya dalam bidang robotik dan automasi, di samping membina daya kreativiti dan semangat keusahawanan di kalangan mereka.

2. Sekolah-sekolah hendaklah memastikan bahawa barang permainan robot kit yang digunakan sebagai alat bantuan mengajar itu memenuhi ciri-ciri berikut:


- 2.1 Robot kit membolehkan pelajar memahami prinsip dan mekanisme operasi sesebuah robot secara menyeluruh dan sistematis, merangkumi sistem elektro-mekanikal, kawalan dan sensor.
- 2.2 Robot kit mudah dipasang dan dibuka semula oleh pelajar.
- 2.3 Robot kit diperbuat daripada bahan yang tahan lama serta tidak mudah rosak.
- 2.4 Robot kit dibekalkan bersama dengan manual pemasangan dan modul pembelajaran dalam Bahasa Melayu.
- 2.5 Alat atau bahan pengganti robot kit mudah didapati.

3. Sekolah-sekolah bolehlah menggunakan peruntukkan per kapita mata pelajaran Kemahiran Hidup dan Reka Cipta bagi perolehan alat bantuan mengajar ini, tertakluk kepada peruntukan yang ada. Perolehan hendaklah dibuat menerusi pengedar atau pembekal tempatan secara tawaran terbuka atau terhad, atau menerusi pesanan tempahan kerajaan.

4. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada semua sekolah di negeri Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**DATUK MATNOR DAIM**

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. Y.B. Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak  
Menteri Pendidikan Malaysia
  2. Y.B. Dato' Haji Mohd. Khalid Yunus  
Timbalan Menteri Pendidikan
  3. Y.B. Datuk Dr. Fong Chan Onn  
Timbalan Menteri Pendidikan
  4. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
  5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
  6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
  7. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pendidikan
  8. Ketua Nazir Sekolah
  9. Pegawai Perhubungan Awam

